

MODUL PERSEDIAAN KERJAYA MURID BERKEPERLUAN KHAS KE ARAH MEMENUHI PASARAN PEKERJAAN BIDANG JAHITAN PEMBUAT PAKAIAN LELAKI

*(Special Needs Students Career Preparation Module As Requirement
For Men's Tailoring Job Market)*

¹Nur Rawaidah Rahmat
SM Pendidikan Khas Vokasional Merbok
Kedah, Malaysia
anzcis@yahoo.com

Abstract— *In line with the development of education that is always in line with the technological advancement, for example now the development towards the revolutionary industry 4.0, special needs students also need to acquire the knowledge and skills that enable them to be ready to go to the world of work. The study aims to explore and produce best practice guidelines using a career-preparing module approach in the field of sewing industry especially manufacturing of men's clothing. The method of data collection is to use document analysis as the main data, in addition to interviews and physical observations as support data. The study participants consisted of five special needs students who attended the men's clothing manufacturing course. The findings show that exposure-related activities and career experience in stitches, preparation for career and parental involvement help in generating this module. The findings also show that teachers need to apply skills to students with special needs in ensuring the modules are well implemented. The production of career preparation modules in this stitch field is expected to help these special needs students to explore further in the field of tailoring especially in the field of men's clothing. This is because these studies have implications for the preparation of appropriate work skills in the field of stitches based on the strengths and abilities of special needs students.*

Keywords— *Vocational, Stitches, Men's Clothing, Students With Learning Difficulties, Workability Skills*

1. Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia terbahagi kepada pelbagai bidang seperti bidang pendidikan akademik atau umum, bidang pendidikan teknik dan vokasional serta bidang pendidikan agama. Setiap bidang memainkan peranan yang tersendiri dalam menyumbang ke arah

Pembangunan negara. Dalam menuju ke arah perkembangan industri revolusi 4.0, bidang pendidikan teknik dan vokasional dibangunkan agar seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara. Bidang pendidikan teknik dan vokasional dilihat sebagai agenda penting bagi menjana kepesatan industri dan mencapai status negara maju (Ahmad et al. 2009).

Bidang pendidikan teknik dan vokasional memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang menyediakan peluang pekerjaan yang baik kepada golongan muda (Siti Syahirah 2011) termasuk memberikan peluang yang sama kepada murid berkeperluan khas. Inisiatif Bahagian Pendidikan Khas Malaysia menubuhkan sekolah menengah pendidikan khas vokasional yang menekankan pembelajaran murid berkeperluan khas dalam bidang teknik dan vokasional memberi peluang kepada murid berkeperluan khas untuk meneroka lebih jauh pelbagai bidang pekerjaan berkaitan dengan dunia kemahiran.

Bidang Jahitan Pembuat Pakaian Lelaki merupakan salah satu kursus yang ditawarkan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok bertempat di negeri Kedah. Bidang Jahitan Pembuat Pakaian Lelaki merupakan kursus yang menawarkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan jahitan pakaian lelaki. Kursus yang ditawarkan berdasarkan Kurikulum Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National

Occupational Skills Standard-NOSS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. NOSS adalah dokumen yang menggariskan ketrampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan tersebut.

Justeru itu, selain menerapkan pengetahuan dan kemahiran, modul persediaan kerjaya juga dibina sebagai panduan dan bimbingan kepada tenaga pengajar dalam melahirkan murid berkeperluan khas yang terampil bagi memenuhi pasaran pekerjaan dalam bidang jahitan pembuatan pakaian lelaki. Modul persediaan kerjaya ini adalah prosedur yang dilakukan dalam mendedahkan dan membimbing murid berkeperluan khas dalam merancang dan bersedia dalam menentukan kerjaya mereka dalam bidang jahitan. Modul persediaan kerjaya ini merupakan perancangan kerjaya yang merupakan proses seseorang individu memilih matlamat kerjaya dan laluan kerjaya mereka (William & Davis 1996). Melalui perancangan kerjaya, individu dapat mengetahui kelayakan diri yang ada untuk meneruskan kerjaya di masa hadapan. Setiap individu perlu membuat perancangan kerjaya bagi pencapaian matlamat dan seterusnya meningkatkan kecekapan dan kebekersanan dalam menjalankan tugas dalam bidang diceburi (Fatimahtul 2003).

2. Penyataan Masalah

Murid berkeperluan khas memerlukan bimbingan khas dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka selepas tamat persekolahan. Ini kerana pendedahan dan bimbingan terhadap pengetahuan dan kemahiran sahaja tidak dapat membantu

mereka sepenuhnya dalam alam pekerjaan selepas tamat persekolahan. Murid keperluan khas juga perlu bersaing seperti murid aliran perdana yang lain yang membuatkan mereka menghadapi kesukaran memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian. Faktor yang menjelaskan situasi ini adalah disebabkan oleh masalah kemahiran komunikasi, sikap dan kurang keyakinan diri (Norida et. al 2014) serta tahap kesediaan kerjaya yang rendah (Arshad Ayub 2014).

Murid keperluan khas memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai seiring dengan pasaran kerjaya dalam abad revolusi industri 4.0 ini. Kemahiran berkaitan kerjaya adalah kecekapan kognitif seperti pengetahuan mendalam dalam bidang yang diceburi, kemahiran penyelesaian masalah dan membuat keputusan serta keupayaan mengekalkan sifat-sifat peribadi berkaitan dengan sesuatu kerjaya (Carnevale 2013). Sekiranya mereka memiliki segala kemahiran yang diperlukan, ia memberi tiga implikasi yang besar iaitu murid mempunyai keyakinan dan kepercayaan diri yang tinggi untuk mengembangkan potensi, keselarasan keperluan kemahiran antara majikan dengan pekerja dan kualiti pendidikan tinggi dapat ditingkatkan (Mohd Izwan Mahmud, et al. 2016).

Justeru, adalah menjadi satu cabaran kepada sekolah dalam menyediakan panduan untuk melahirkan murid keperluan khas berkemahiran khusus yang merupakan implikasi kepada kurikulum dan faktor sokongan seperti perkembangan kerjaya murid. Faktor sokongan ini bergerak secara bersepadu dengan kurikulum standard yang digunakan iaitu NOSS yang merupakan satu pendekatan untuk memahami dan membimbing serta menyokong murid keperluan khas untuk meningkatkan kesediaan kerjaya mereka.

3. Objektif Kajian

Daripada pernyataan masalah yang difokuskan, objektif yang dibina bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- Pembinaan modul persediaan kerjaya meningkatkan pengetahuan murid keperluan khas berkaitan kerjaya dalam bidang jahitan pembuat pakaian lelaki.
- Penggunaan modul persediaan kerjaya membantu tenaga pengajar dalam merangka hala tuju kerjaya murid keperluan khas dalam bidang jahitan pembuat pakaian lelaki.

4. Metodologi Kajian

A. Prosedur kajian


Pengumpulan maklumat adalah melalui pembacaan kepustakaan termasuklah membuat rujukan dari buku, tesis, artikel jurnal, laporan dan polisi berkaitan untuk membantu dalam membentuk modul persediaan kerjaya bagi kursus pembuat pakaian lelaki. Pendekatan ini bersesuaian untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi dalam membuat justifikasi yang sesuai dengan skop kajian iaitu modul persediaan kerjaya bagi kursus pembuat pakaian lelaki.

B. Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk Teori Cognitive Information Processing (CIP) yang dibangunkan melalui usaha sama penyelidik di Florida State University (FSU) Career Center. Teori berkaitan kerjaya ini mengukur bagaimana

individu terlibat dalam proses penyelesaian masalah kerjaya dan membuat keputusan kerjaya (Reardon et al. 2011) yang diperkenalkan oleh Peterson, Sampson dan Reardon pada tahun 1991. Andaian asas teori ini berasaskan kepada teori kognitif iaitu menekankan aspek penyelesaian masalah dan membuat keputusan kerjaya, memahami kesan positif dan negatif ke atas meta kognitif dalam konteks penyelesaian masalah dan membuat keputusan kerjaya serta konsep asas bagi reka bentuk interaksi untuk meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah kerjaya dan membuat keputusan.

Seseorang individu dapat mendefinisikan kerjaya melalui proses pembelajaran (Sampson et al. 2013). Pendekatan ini merupakan proses perkembangan kerjaya yang mengaplikasikan model membuat keputusan kerjaya (Paivandy et al. 2008), dengan andaian bahawa setiap masalah kerjaya yang dihadapi boleh diselesaikan melalui proses pembelajaran. Oleh sebab itu, teori ini berasaskan kepada teori pembelajaran yang memberi fokus kepada pemprosesan maklumat (Brown 2007). Unikunya teori ini berbanding teori kerjaya lain adalah kerana teori ini memberi fokus kepada kognitif, emosi, pembelajaran, membuat keputusan dan praktis (Reardon et al. 2011).



Rajah 1 menunjukkan Piramid Pemprosesan Maklumat dalam membuat keputusan kerjaya yang mempunyai tiga domain utama iaitu Domain Pengetahuan, Domain Kemahiran Membuat Keputusan, dan Domain Pemprosesan Eksekutif (Reardon et al. 2006 & 2012). Pada peringkat domain pengetahuan individu akan membina dua jenis pengetahuan diri iaitu pengetahuan tentang diri sendiri dan pengetahuan tentang pekerjaan. Persoalan dalam konteks memahami diri sendiri adalah seperti nilai, minat dan kemahiran serta kaitan bidang pendidikan dengan pekerjaan. Manakala, persoalan yang sering timbul dalam diri individu untuk memahami tentang pekerjaan adalah jenis pekerjaan, latihan, tugas pekerjaan, gaji, kemudahan dan sebagainya. Manakala pada peringkat domain kemahiran membuat keputusan pula individu akan melalui satu kitaran CASVE yang berlaku iaitu komunikasi, analisis, sintesis, menilai dan melaksana. Peringkat yang tertinggi dalam piramid tersebut adalah domain yang dikenali sebagai meta kognitif. Meta kognitif bermaksud satu proses berfikir yang tinggi di mana seseorang dapat berfikir dalam berfikir. Analogi yang boleh diberikan tentang meta kognitif adalah apabila seseorang individu berkeupayaan melihat dirinya secara keseluruhan

sebagai individu. Ini membolehkan individu dapat berfikir tentang keputusan yang telah dibuat berdasarkan pengetahuan diri, pengetahuan tentang pekerjaan dan kemahiran membuat keputusan. Peringkat ini juga membolehkan individu membuat keputusan kerjaya berdasarkan proses membuat keputusan kerjaya yang rasional dan sistematik serta bermaklumat (Mohd Izwan Mahmud 2016).

C. Sampel kajian

Kajian ini dijalankan ke atas lima orang murid berkeperluan khas yang mengikuti kursus pembuat pakaian lelaki di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok di Daerah Sungai Petani, Kedah. Murid berkeperluan khas tersebut berumur dari 17 tahun sehingga 20 tahun yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk memilih sampel yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang terampil di dalam kursus pembuat pakaian lelaki. Pengkaji telah mendapati bahawa sampel ini telah terampil dengan baik bagi semua penghasilan pakaian yang dijalankan sepanjang tempoh pembelajaran mereka.

D. Lokasi kajian

Lokasi kajian dilaksanakan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok yang dikategorikan sebagai satu-satunya sekolah pendidikan khas yang menawarkan kursus pembuat pakaian lelaki bagi murid berkeperluan khas di Malaysia. Justeru, rasional pemilihan lokasi ini adalah kerana kesemua sampel kajian mudah untuk diakses. Ini dapat membina hubungan kepercayaan di antara pengkaji dengan sampel kajian yang terlibat.

E. Instrumen Kajian

a) Portfolio Sampel

Portfolio sampel merupakan pengumpulan bukti proses pembelajaran dan keterampilan murid berkeperluan khas berkaitan pengetahuan dan kemahiran dalam kursus pembuat pakaian lelaki mengikut kandungan yang telah ditetapkan di dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan bagi kursus tersebut.

b) Pembangunan Modul Persediaan Kerjaya

Pembinaan modul yang baik hendaklah mengambil kira pelbagai peraturan dan prosedur bagi menghasilkan kesan terbaik (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad 2005). Modul persediaan kerjaya ini dirangka dan disedia berasaskan tiga domain utama teori *Cognitive Information Processing* (CIP) iaitu Domain Pengetahuan, Domain Kemahiran Membuat Keputusan dan Domain Pemprosesan Eksekutif (Reardon et al. 2012). Modul ini menekankan domain pengetahuan sebagai teras utama yang meliputi pengetahuan diri dan pengetahuan pekerjaan. Lima elemen utama model yang dibina merangkumi lima aspek iaitu pengetahuan diri dan pekerjaan, penglibatan diri, kefahaman dan mengenalpasti pilihan, membuat keputusan serta refleksi diri. Lima elemen utama model yang dinyatakan adalah Peningkatan Kemahiran, Teknologi Digital, Keusahawanan, Latihan Industri dan Explorasi Kerjaya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan lima elemen utama model ini. Berikut adalah kerangka penyediaan modul persediaan kerjaya bagi kursus pembuatan pakaian lelaki yang dibina:



Rajah 2: Kerangka Penyediaan Modul Persediaan Kerjaya Kursus Pembuatan Pakaian Lelaki

c) Temubual dan pemerhatian

Temubual berstruktur dirangka bagi melihat implikasi modul ini terhadap sampel. Pemerhatian secara fizikal berdasarkan perubahan sikap juga direkodkan bagi melihat keberkesanan modul ini dan juga sebagai rujukan untuk penambahbaikan di masa akan datang.

5. Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa penyediaan modul persediaan kerjaya bagi kursus pembuat pakaian lelaki ini adalah satu panduan yang boleh diguna pakai bagi murid berkeperluan khas dalam memenuhi pasaran kerja setelah mereka tamat persekolahan. Ini kerana setelah dijalankan aktiviti berdasarkan lima elemen yang ditetapkan dalam modul tersebut iaitu peningkatan pemahaman, teknologi digital, keusahawanan, latihan industri dan explorasi kerjaya, dapatan kajian daripada temubual berstruktur mendapati kesemua sampel bersetuju minat mereka meningkat di dalam bidang pembuat pakaian lelaki. Ini kerana dengan memberi pendedahan bidang kerjaya kepada individu akan dapat menimbulkan minat untuk berusaha bagi memenuhi keperluan kerjaya tersebut (Tolbert 1974). Secara tidak lansung, ia dapat meningkatkan pengetahuan mereka seterusnya membuat keputusan dalam laluan kerjaya dalam bidang jahitan pembuat pakaian lelaki.

Sokongan ibu bapa yang positif turut memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan modul ini di mana perkongsian aktiviti dan perkembangan kemajuan anak mereka dikongsi melalui perjumpaan bersemuka dan penubuhan kumpulan secara talian maya. Selain itu, dengan persetujuan ibu bapa melalui elemen latihan industri, dua sampel ditempatkan di sebuah kilang pakaian sukan bagi menjalani latihan industri selama tiga bulan setelah tamat belajar. Mereka didedahkan dengan suasana bekerja di kilang dan ini memberi pendedahan peluang kerjaya kepada murid berkeperluan khas di samping meningkatkan pengetahuan tenaga pengajar berkaitan laluan kerjaya di dalam bidang pembuat pakaian lelaki.

Disamping itu, pengkaji mendapati penggunaan modul persediaan kerjaya ini dapat membantu tenaga pengajar iaitu guru kemahiran pendidikan khas dalam merancang aktiviti yang bersesuaian seiring dengan proses pembelajaran dan pengajaran murid berkeperluan khas di dalam kursus pembuat pakaian lelaki. Misalnya penggunaan elemen peningkatan kemahiran murid berkeperluan khas seperti menjalani aktiviti kelas kemahiran menjahit pakaian bersama pihak kolej komuniti

manakala bagi elemen teknologi digital, murid berkeperluan khas mengikuti video tutorial langkah demi langkah bagaimana menjahit pakaian. Selain memperoleh ilmu pengetahuan, secara tidak langsung murid berkeperluan khas juga didedahkan dengan peluang kerjaya seperti tenaga pengajar dan juruvideo yang berfokuskan kepada bidang jahitan. Ini menjadikan murid berkeperluan khas memperoleh dan mengembangkan kemahiran untuk mengatasi cabaran hidup serta berupaya menjadikan mereka individu yang produktif (Anizam, Manisah & Amla 2013).

6. Kesimpulan

Pendidikan bidang teknik dan vokasional ialah satu program pendidikan dan latihan tersusun untuk melahirkan tenaga kerja yang dapat melengkapkan murid berkeperluan khas dengan kemahiran kebolehkeraan yang dikehendaki oleh pihak majikan (Anizam, Manisah & Amla 2013). Kajian menunjukkan bahawa individu berkeperluan khas memiliki bakat dan boleh menyumbang kepada produktiviti kerja (Faridah 2003; Sharma, Shobra, & Kutty 2006). Sehubungan dengan itu, diharapkan dengan adanya modul persediaan kerjaya ini, ia dapat membantu para guru dan murid berkeperluan khas dalam menentukan hala tuju kerjaya selepas tamat alam persekolahan seterusnya memenuhi pasaran kerja bidang jahitan pembuat pakaian lelaki.

References

- Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali, & Amla Mohd Salleh. (2013, 4-5 June 2013). *Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan*. Paper presented at the Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013.
- Jasmi A. Talib, Amla Salleh, Salleh Amat, Ghavifekr, S., & Azlinda M. Ariff. (2014). Effect Of Career Education Module On Career Development Of Community College Students. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*. doi:10.1007/s10775-014-9279-x
- Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistin Mustafa, & Mohd Hanafi Mohd Yassin. (2009). Pendidikan Teknik Dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 73-87.
- Maznizam Mansor, & Abdullah Mat Rashid. (2013). Career indecision: A cross-sectional survey among students of national youth skills training institutes. *Middle East Journal of Scientific Research*, 17(8), 1073-1107. doi:10.5829/idosi.mejsr.2013.17.08.12297
- Mohd Ali Jamaat. (2010). *Mengaplikasi Teori Erikson, Piaget Dan Super Dalam Pembinaan Modul Kesedaran Kerjaya Untuk Pelajar Sekolah Menengah Rendah Di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad, & Wan Marzuki Wan Ahmad. (2016). Modul Kesediaan Kerjaya Berdasarkan Teori Cognitive Information Processing (CIP) 3rd ed. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 4, 61-75.
- Monahan, M. P. (2003). Social Skills And Problem Behavior Assessment Of General And Special Education Career And Technical Education Students. *The Journal for Vocational Special Needs Education*, 25(2 & 3), 3-10.
- Reardon, R., Lenz, J., Sampson, J., & Peterson, G. (2006). *Career Development And Planning: A Comprehensive Approach* (2nd ed.). United States Thompson Learning.